

# PM dijangka bertemu Putin, Modi hari ini

Pertemuan bagi perkukuh hubungan kerjasama Russia, India



**Tun** Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini semalam untuk menghadiri Forum Ekonomi Timur (EEF) Russia, akan mengadakan pertemuan dua hala secara berasingan dengan Presiden Russia Vladimir Putin dan Perdana Menteri India, Narendra Modi, hari ini.

Pertemuan Dr Mahathir dengan Putin dan Modi adalah yang kedua selepas dilantik semula menjadi Perdana Menteri berikutan kemenangan Pakatan Harapan dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) Mei tahun lalu.

Modi antara pemimpin dunia terawal mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir di Putrajaya, Mei tahun lalu, untuk mengucapkan tahniah susulan kemenangan bersejarah itu.

Perdana Menteri kali terakhir bertemu dengan Putin di Singapura, November tahun lalu.

Dalam pertemuan dengan Putin, kedua-dua pemimpin dijangka menyentuh pelbagai kerangka

kerjasama menyeluruh bagi mengukuhkan hubungan dua hala Kuala Lumpur-Moscow, termasuk dalam industri pertahanan.

Antara perkara dijangka disentuh adalah isu kerosakan dan alat ganti 30 jet pejuang Sukhoi Su-30MKM dan MiG-29 yang dibeli Malaysia pada 1995 dan 2007.

Difahamkan, hanya empat daripada 30 jet pejuang itu dalam keadaan beroperasi, manakala selebihnya tersadai kerana mengalami kerosakan.

Tidak pasti sama ada Perdana Menteri akan turut menyentuh tindakan diskriminasi Kesatuan Eropah (EU) memboikot produk minyak sawit Asia, termasuk dari Malaysia.

Dalam pertemuan dengan Modi, pegawai Malaysia tidak menolak kemungkinan isu pendakwah India, Dr Zakir Naik, turut disentuh Perdana Menteri India susulan keputusan kerajaan Malaysia enggan menghantarnya pulang untuk menghadapi dakwaan jenayah di negara itu.

Bercakap kepada media Malaysia di sini, Duta Besar Malaysia ke Russia, Datuk Mat Dris Yaacob, berkata lawatan Dr Mahathir akan meningkatkan hubungan diplomatik serta merangsang perdag-



Dr Mahathir tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Vladivostok untuk menghadiri EEF 2019, semalam.

(Foto BERNAMA)

ngan dua hala dengan Russia.

Perdana Menteri diiringi Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Darell Leiking.

Perdana Menteri tiba di sini petang semalam dari Kemboja untuk menghadiri EEF kelima atas jemputan Putin.

Pesawat membawa Dr Mahathir dan delegasi mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Vladivostok pada jam 6.30 petang waktu tempatan dengan ketibaan beliau disambut Timbalan Gabenor Vladivostok, Melnikov Oleg.

Ini kali pertama Malaysia menghadiri forum yang diilhamkan Putin untuk merangsang pembangunan wilayah Timur

Jauh Russia ini.

Hari ini, Dr Mahathir akan berucap pada sesi pleno forum berkenaan, acara utama EEF yang berlangsung di kampus Far Eastern Federal University di sini.

Dr Mahathir juga akan diwawancara oleh media tempatan sebelum majlis makan tengah hari dihoskan oleh Putin yang akan disertai beberapa pemimpin lain.

EEF diwujudkan menerusi dekri yang dikeluarkan Putin pada 2015 untuk menyokong pembangunan ekonomi Timur Jauh Russia dan memperluaskan kerjasama antarabangsa di rantau ini.

EEF, dianjurkan oleh Roscongress Foundation, kini menjadi platform untuk membincangkan isu dan cabaran ekonomi global, penyepaduan serantau serta industri baharu selain teknologi.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Roccongress Foundation, Alexander Stuglev, beberapa dialog perniagaan akan diadakan dengan negara rakan kerjasama terkemuka di rantau itu, khususnya ASEAN, perkumpulan penting negara membangun Asia Tenggara.

Beliau berkata lebih 6,500 peserta dari Russia dan seluruh dunia menyertai forum itu untuk terbabit dalam mesyuarat perniagaan, pameran, program budaya dan sukan yang pelbagai.

Pameran itu akan mengetengahkan pembentangan oleh badan kerajaan Persekutuan Russia mengenai peluang pelaburan dan insentif termasuk projek pelaburan utama di Daerah Persekutuan Timur Jauh di sini, membabitkan kerjasama antarabangsa.